



RUSSIA akan menghentikan eksport minyak sekiranya harga siling yang ditetapkan oleh Barat merugikan negara itu. - EDULES



CADANGAN harga siling minyak Russia masih di peringkat perbincangan dalam kalangan negara anggota G7. - BLOOMBERG

Russia ugut henti eksport minyak

MOSCOW – Timbalan Perdana Menteri Rusia, Alexander Novak memberi amaran akan menghentikan eksport minyak sekiranya harga siling yang dicadangkan Barat merugikan Moscow, lapor laman berita RT kelmarin.

Novak memberitahu perkara tersebut dalam satu wawancara bersama saluran televisyen Rusia, Channel One.

“Jika harga yang mereka (Barat) bincangkan ini lebih rendah daripada kos pengeluaran minyak, Rusia tidak akan menyalurkan bekalan minyak ke pasaran dunia.

“Ini kerana kami tidak akan terlibat dalam urus niaga yang tidak menguntungkan Rusia,” jelas Novak.

Kenyataan beliau dibuat susulan persetujuan negara-negara Kumpulan Tujuh (G7) untuk menetapkan harga siling minyak Rusia pada akhir Jun lalu.

Idea harga siling tersebut pertama kali dikemukakan oleh Washington sebagai cara untuk mengekang pendapatan eksport tenaga Russia.

Menurut agensi berita Bloomberg, penyokong-penyokong langka itu membincangkan kemung-

kinan menghadkan harga yang dibayar untuk eksport Rusia melalui campur tangan dalam insurans dan pengangkutan.

Menurut rancangan tersebut, hanya bahan mentah dan produk minyak yang nilainya tidak melebihi harga siling yang ditetapkan oleh G7 akan dibenarkan untuk diinsuranskan dan diangkut.

Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida baru-baru ini berkata, harga siling akan ditetapkan sekitar separuh daripada harga pasaran semasa minyak Russia.

Pada Jun lalu, harga purata

setong minyak mentah Ural berada sekitar AS\$87.25 (RM388).

Bagaimanapun, perbincangan mengenai rancangan Barat itu masih berjalan dan harga siling berkenaan masih belum dimuktamadkan.

Russia percaya penetapan harga siling akan mendorong harga minyak global melambung lebih tinggi.

Presiden Vladimir Putin baru-baru ini menyatakan bahawa Barat sedang melangkah ke arah melonjakkan lagi harga minyak di pasaran antarabangsa, sama seperti yang dibuat dalam lang-

kah menghentikan pembelian gas Russia.

“Hasilnya akan sama iaitu harga minyak dunia akan melambung lebih tinggi,” kata Putin.

Timbalan Pengerusi Majlis Keselamatan, Dmitry Medvedev pula meramalkan bahawa harga minyak akan meningkat lebih AS\$300 (RM1,336) hingga AS\$400 (RM1,782) setong jika Barat meneruskan rancangannya.

“Rancangan Barat akan menyebabkan bekalan minyak dunia merosot dan dan mendorong kenaikan harga secara drastik,” kata Medvedev. - AGENSI